

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 ( 6 )



---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI  
BILANGAN 4 TAHUN 2021**

---

**PINDAAN POLISI PELABURAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**Pejabat Bendahari**

**07 Julai 2021**

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

# UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 ( 6 )

07 Julai 2021

## SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2021

### PINDAAN POLISI PELABURAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

#### 1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pindaan Polisi Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Polisi Pelaburan UMK telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3 Tahun 2020 (Kali Ke-55) pada 23 Ogos 2020.
- 2.2 Pindaan ini dibuat dengan mengambilkira maklum balas yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) antaranya adalah berkaitan pematuhan terhadap Surat Pekeliling Am (SPA) Bil. 3 Tahun 1998 (Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan) selaras dengan peruntukan dalam *Green Book* yang dikeluarkan oleh KPT.
- 2.3 Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan Pindaan Polisi Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3 Tahun 2021 (Kali Ke-59) yang bersidang pada 14 Jun 2021.

### 3. PINDAAN POLISI PELABURAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.1 Pindaan Polisi Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan adalah seperti berikut:

PERENGGAN	ASAL	PINDAAN/TAMBAHAN
1.1	Polisi pelaburan (“Polisi Pelaburan”) ini terpakai kepada pelaburan yang dimasuki oleh Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”) di mana polisi ini diwujudkan bagi menyelaraskan aktiviti pelaburan UMK bersama peruntukan Perlembagaan UMK, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) serta Akta Syarikat 2016 (Akta 777).	Polisi pelaburan (“Polisi Pelaburan”) ini terpakai kepada pelaburan yang dimasuki oleh Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”) di mana polisi ini diwujudkan bagi menyelaraskan aktiviti pelaburan UMK bersama peruntukan Perlembagaan UMK, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), SPA Bil. 3 Tahun 1998 serta Garis Panduan Pelaburan IPTA Tahun 2004.
3.1	Polisi Pelaburan ini adalah berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), di mana Universiti Awam (UA) dikehendaki untuk menjana pendapatan sendiri dari sumber dalaman bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan kewangan Kerajaan.	Polisi Pelaburan ini adalah berdasarkan Lonjakan 5 – Kemampuan Kewangan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)), di mana Universiti Awam (UA) dikehendaki untuk menjana pendapatan sendiri dari sumber dalaman bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan kewangan Kerajaan.
9.8		<p>Pelaburan melalui penubuhan anak syarikat</p> <p>9.8.1 Pelaburan melalui penubuhan anak syarikat atau perbadanan hendaklah mendapat kelulusan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.</p> <p>9.8.2 LPU hendaklah memastikan proses yang diamalkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.</p> <p>9.8.3 LPU hendaklah mempertimbangkan penubuhan anak syarikat atau perbadanan berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan penubuhan atau perolehan.</li> <li>Jika telah mempunyai syarikat, sebab syarikat sedia ada tidak dapat melaksanakan tujuan tersebut.</li> <li>Sama ada syarikat itu akan bersaing dengan syarikat Bumiputera sedia ada.</li> <li>Faedah kepada Kumpulan Syarikat.</li> </ol>

PERENGGAN	ASAL	PINDAAN/TAMBAHAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>e. Peratusan ekuiti yang akan dipegang dalam syarikat yang ditubuhkan atau yang diperolehi.</li> <li>f. Kos penubuhan atau perolehan.</li> <li>g. Perancangan korporat dan pelaburan bagi tiga (3) tahun untuk syarikat itu.</li> <li>h. Butir-butir lain yang perlu.</li> </ul>
9.9		<p>Jenis-jenis Pelaburan</p> <p>9.9.1 Jenis-jenis pelaburan yang boleh dilakukan oleh UMK (Pelaburan yang tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Kewangan (MoF)) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pelaburan dalam ekuiti;</li> <li>b. Pelaburan terus dalam sekuriti boleh dagang; dan</li> <li>c. Pelaburan dalam harta tanah.</li> </ul> <p>9.9.2 Prosedur dan peraturan untuk menjalankan pelaburan yang dinyatakan perlulah merujuk dan tertakluk kepada Garis Panduan Pelaburan UMK.</p>

3.2 Polisi Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan yang telah dikemaskini adalah seperti di **Lampiran A**.

#### 4. PEMAKAIAN

4.1 Pindaan Polisi Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan adalah berkuat kuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan seterusnya membatalkan Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 19 Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**  
**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD YUSRI BIN AWANG**  
Timbalan Bendahari Kanan  
Menjalankan Tugas Bendahari  
b.p: Naib Canselor